

Amaran PM kepada pihak persoal isu ekuiti bumiputera

'Jangan buat kacau'

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

SUBANG 16 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi amaran kepada semua pihak supaya tidak membuat kacau dengan mempersoalkan penguasaan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara sepatutnya meminta penjelasan dengan baik dan bukan membuat tuduhan secara menyindir.

"Menyindir ini buat apa. Tak ada kebaikan. Menyindir tidak ada kebaikan, tuduh menuduh ni tak ada kebaikan.

"Nak minta penjelasan mintalah betul-betul. Ini buat apa minta sambil menyindir. Buat apa meminta sambil menuduh. Ini bukan nak cari kebaikan," ujarnya.

● Reaksi pemimpin UMNO - Muka 4

Abdullah berkata, beliau membuat kenyataan tersebut secara umum, tidak ditujukan kepada orang tertentu sahaja tetapi kepada semua yang melakukan perkara seperti itu.

"Kepada sesiapa pun lah, siapa pun, Melayu ke tak Melayu ke, jangan buat kacau, nak tanya dengan baik, tanya dengan baik.

"Jadi (kalau) orang buat baik sekali kita boleh buat baik sepuluh kali, kalau buat jahat sekali, ha! Jaga baik," ujarnya pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini hari ini sekembalinya daripada mengerjakan umrah di Mekah.

Turut hadir menyambut kepulangan Abdullah ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abdullah mengulas gesaan parti Gerakan semalam yang mahu Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

■ Lihat muka 2

'Jangan buat kacau'

Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, ini kerana ada sesuatu tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakkan sebarang peningkatan berturan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Sebagai contoh, katanya, angka penguasaan ekuiti bumiputera yang direkodkan pada 1990 adalah sebanyak 19 peratus tetapi menurun pula kepada 18.9 peratus sekarang.

Abdullah menegaskan, kerajaan tidak me-

nipu kerana apa yang dibuat adalah berdasarkan fakta-fakta yang memberi pengukuhan kepada hujah-hujah."

Katanya, ketiadaan kenaikan penguasaan ekuiti bumiputera dipengaruhi oleh krisis ekonomi dan mata wang yang berlaku sedikit waktu dahulu dan telah mengakibatkan banyak usahawan bumiputera 'gulung tikar'.

Tegas Perdana Menteri, meskipun beliau berharap penguasaan ekuiti itu sentiasa naik, namun krisis ekonomi berlaku dan tiada apa

yang boleh dilakukan oleh kerajaan.

"Begitu juga semasa kenaikan harga minyak, turut membawa kesan kepada ekuiti orang Melayu dan usaha-usaha yang telah dijalankan, kita mesti atasinya," ujarnya.

Abdullah turut ditanya mengenai kemungkinan sikap keterbukaannya telah menyebabkan beberapa pihak mengambil kesempatan.

Katanya: "Tak tahulah."

Perdana Menteri berkata, manusia mengam-

bil kesempatan pada bila-bila masa sahaja.

"Keterbukaan pun dia ambil, kalau sekata dia ambil kesempatan juga nak mencabar, mengapa keras sangat, mengapa hari ini tak ada ketelusan, mengapa hari ini tidak ada kebebasan, mengapa jadi begitu rakus, itu dia ambil kesempatan.

"Bagi yang nak buat kacau dia ambil kesempatan. Bila kita dah buka, buat kacau pula ambil kesempatan, ini sikap manusia sentiasa ambil kesempatan.

"Nampaknya kesabaran kurang, itu masalahnya dan ada keinginan untuk mencari fasal, cucuk-cucuk, menyindir, perli, itu tidak ada kebaikan," ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri memberi jaminan akan mengatasinya secara serius.

"Sekiranya ada yang perlu penambahbaikan, kita sedia menerima pandangan," katanya.